

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

UTHM/PB/100-6/4/1 (18)

Tarikh: 19 Ogos 2008

PEKELILING BENDAHARI BIL. 12 / 2008

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

**PINDAAN TATACARA PEROLEHAN BAGI PEMBEKALAN ALAT PROPRIETARY
ELEKTRONIK DAN ALAT GANTI YANG BERKAITAN DI UTHM**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan Pindaan Tatacara Perolehan Bagi Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan Di UTHM yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ).

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.21/2006 yang bersidang pada 6 September 2006 telah meluluskan kontrak pusat Central Management Catalogue Agency Sdn. Bhd. (CMCA) untuk Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan Bagi Tahun 2006 Hingga Tahun 2008.
- 2.3 Pekeliling Bendahari Bil. 3/2007 pula telah membuat pindaan pertama ke atas tatacara perolehan bagi Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan Di UTHM yang perlu dipatuhi oleh semua PTJ.
- 2.4 Walaubagaimanapun Mesyuarat Eksekutif Bil. 7/2008 yang telah bersidang pada 13 Ogos 2008 telah meluluskan pindaan ke atas Tatacara Perolehan Bagi Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan Di UTHM yang perlu dipatuhi oleh semua PTJ.

3.0 TATACARA PEROLEHAN

Bagi memantapkan lagi perolehan melalui kontrak pusat (CMCA), pihak Universiti telah memutuskan agar semua perolehan pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan di UTHM yang bernilai RM10,000.00 hingga RM 200,000.00 adalah seperti ***di lampiran 1*** dan bagi jumlah yang melebihi RM200.000.00 pula adalah seperti ***di lampiran 2***. Perkara-perkara lain sepertimana berikut juga perlu dipatuhi oleh semua PTJ iaitu:

- 3.1 Perolehan untuk pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan Di UTHM seperti syarat yang telah ditetapkan didalam Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil.7/2005 dan ia hanya untuk item-item elektronik yang disenaraikan didalam pekeling tersebut, Surat Perbendaharaan S/K.KEW/PK/M/1100/000000/110/119 JLD.19 SJ.6.1 (26) bertarikh 27 Jun 2006 mengenai pengeluaran sebanyak 44 item yang termasuk dalam kontrak pusat sebelum ini dan Surat Perbendaharaan S/K.KEW/PK/M/1100/000000/110/119 JLD.19 SJ.6.1 bertarikh 21 Jun 2007 mengenai senarai harga bagi item tambahan.
- 3.2 Semua penyenggaraan peralatan Universiti yang menggunakan kepakaran syarikat luar tidak perlu dirujuk kepada pihak CMCA dan perolehan boleh dibuat secara sebutharga berdasarkan peraturan perolehan Universiti yang sedang berkuatkuasa. Walaubagaimanapun bagi penyenggaraan peralatan Universiti yang menggunakan kepakaran staf Universiti, alat ganti peralatan tersebut perlu dirujuk terlebih dahulu dengan pihak CMCA samada ianya termasuk didalam item kontrak pusat (CMCA) ataupun tidak. (Surat no. rujukan UTHM.PB/400.39/4/2/JLDVI(77) bertarikh 25 Julai 2008 adalah dirujuk).
- 3.3 Semua perolehan Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan yang bernilai dibawah RM10,000.00 boleh dibuat dengan pembekal luar sepertimana tatacara perolehan Universiti atau melalui Kontrak Pusat (CMCA) mengikut kesesuaian dan budibicara Pusat tanggungjawab masing-masing. (Surat no. rujukan rujukan UTHM.PB/400.39/4/2/JLDVI(77) bertarikh 25 Julai 2008 adalah dirujuk).
- 3.4 Walaubagaimanapun bagi perolehan bernilai melebihi RM50,000.00 perlu mendapat kelulusan MITI terlebih dahulu sekiranya ia melibatkan peralatan/barangan luar negeri (Import).
- 3.5 Berdasarkan carta alir tersebut, sekiranya salah satu perkara berikut gagal atau tidak dipatuhi oleh pihak CMCA maka perolehan boleh dibuat terus dengan pembekal luar melalui kaedah perolehan Universiti yang sedang berkuatkuasa iaitu:-
- (a) Nama barang, nombor pembuat dan Kod NSN **tiada atau tidak sama** sepertimana dalam buku katalogue CMCA yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan Malaysia;
 - (b) Pihak CMCA **gagal** mengemukakan spesifikasi barang/peralatan, nama barang, nombor pembuat, dan ko NSN dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh PTJ atau pemohon mengemukakan surat pengesahan;
 - (c) Spesifikasi yang dikemukakan oleh pihak CMCA **tidak sama** sepertimana spesifikasi yang disediakan oleh PTJ dan
 - (d) Pihak CMCA **gagal** mengemukakan sebutharga dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh PTJ atau pemohon mengemukakan dokumen pengesahan pembelian.

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

5.0 PEMBATALAN PEKELILING

Dengan terpakainya pekeling ini, Pekeling Bendahari Bil.3/2007 dan para 3.1 Pekeling Bendahari Bil. 7/2006 adalah dibatalkan.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,




ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

☎ 7050

- s.k
- YBhg. Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Ketua Unit Audit Dalam

**CARTA ALIR PEROLEHAN ITEM CMCA
(RM 10,000.00 – 200,000.00)**



**CARTA ALIR PEROLEHAN ITEM CMCA
(LEBIH 200,000.00)**

